

**TARAF KEHIDUPAN DAN PEMBANGUNAN
MUKIM SABAK
NEGERI KELANTAN DARUL NAIM**

OLEH:

ENGKU MOHD JEFDI BIN ENGKU AZIZ	91384708
NUR MOHD HAZIM BIN TAIB	91289665
TENGKU ISMARIZA BIN TUAN ISMAL	91398944
WAN AHMAD ZAKI BIN WAN YAHAYA	91383335

Kertas projek yang dikemukakan kepada Kajian Pentadbiran Dan Undang-Undang Institut Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor untuk memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi Diploma Pentadbiran Awam.

Mei 1994

KANDUNGAN

SENARAI JADUAL	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 PENDAHULUAN	1
1.2 RASIONAL	3
1.3 OBJEKTIF KAJIAN	5
1.4 ANDAIAN	8
1.5 SKOP KAJIAN	10
1.6 METHODOLOGI	11
1.6.1 DATA SEKUNDER	
1.6.2 DATA PRIMER	
1.6.3 KAEDEM PEMERHATIAN	
1.7 SENARAI NAMA RESPONDEN	18
BAB 2 LATAR BELAKANG MUKIM SABAK, KONSEP DAN PEMBANGUNAN DASAR PEMBANGUNAN UTAMA NEGARA	
2.1 PENDAHULUAN	20
2.2 LATAR BELAKANG DAN PROFIL MUKIM SABAK	21
2.2.1 PENGENALAN	
2.2.2 SEJARAH MUKIM SABAK	
2.2.3 KAWASAN-KAWASAN MUKIM SABAK	

2.3 TAKRIF PEMBANGUNAN	25
2.4 DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL	28
BAB 3 HASIL KAJIAN	
3.1 AKTIVITI-AKTIVITI PEMBANGUNAN	31
3.2 KEMUDAHAN AWAM	34
3.3 INFRASTRUKTUR	37
3.4 PENGGUNAAN TANAH	40
3.5 TARAF PENDIDIKAN	42
3.6 PEKERJAAN PENDUDUK	43
3.7 TARAF PENDAPATAN	45
3.8 MASALAH-MASALAH PENDUDUK	46
BAB 4 ANALISA	51
BAB 5 CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1 CADANGAN-CADANGAN	65
5.2 KESIMPULAN	70
LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

JADUAL		MUKA SURAT
1	Butir-butir kampung di Mukim Sabak	23
2	Peruntukan untuk Pantai Sabak, Sering.	32
3	Bilangan tempat ibadat	35
4	Kemudahan awam (lain-lain)	35
5	Pecahan jalan Mukim Sabak	38
6	Bekalan air ke rumah-rumah	38
7	Belakal letrik ke rumah-rumah	39
8	Perjenisan tanah Mukim Sabak	40
9	Jenis-jenis penggunaan tanah	40
10	Taburan guna tanah pertanian	41
11	Jenis tanah terbiar	41
12	Keciciran mengikut peringkat pengajian	42
13	Jenis pekerjaan penduduk (umum)	43
14	Jenis pekerjaan penduduk (khusus)	43
15	Ternakan	44
16	Purata pendapatan penduduk	45

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah S.W.T Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Kami amat berterima kasih kepada Encik Mohd Din selaku penyelia kami yang banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada kami didalam menyiapkan kertas projek ini.

Kami juga amat berterima kasih kepada mereka yang telah membantu kami dari segi maklumat semasa kajian dijalankan terutama Encik Salleh bin Mamat selaku ketua kampung Mukim Sabak, Encik Mahmood bin Haji Ahmad selaku penduduk Mukim Sabak, Encik Husin Ala bin Mohd Amin selaku penduduk Mukim Sabak, Encik Mohd Noor bin Daud selaku penduduk Mukim Sabak, Encik Zakaria bin Hassan selaku penduduk Mukim Sabak dan Encik Tuan Abdullah bin Mamat selaku Presiden Persatuan Nelayan Sabak. Tidak ketinggalan juga pihak-pihak lain yang turut membantu kami dalam menjayakan kertas projek ini.

Akhir kata, kami ingin merakamkan rasa kasih sayang kami kepada kedua ibubapa kami serta abang, kakak dan adik yang telah memberikan inspirasi kepada kami dalam menjalankan usaha-usaha kajian bagi menyiapkan kertas projek ini.

ABSTRAK

Penyelidikan yang dijalankan ini adalah hanya meliputi Mukim Sabak sahaja dan tidak termasuk kampung atau mukim lain didalam Daerah Sering. Di dalam menjalankan kajian ke atas penduduk Mukim Sabak penyelidik telah memilih kaedah sekunder, primer dan pemerhatian. Masalah yang dihadapi oleh penyelidik semasa menjalankan kajian ini adalah dari segi kewangan bagi membiayai kertas projek ini. Di samping itu penyelidik juga menghadapi masalah di dalam mendapat kerjasama penduduk setempat dan juga lain-lain pihak yang terlibat. Hasil daripada kajian ini didapati bahawa taraf kehidupan penduduk tidaklah terlalu rendah namun ia dikira rendah secara relatif jika dibandingkan dengan taraf kehidupan masyarakat Malaysia secara umumnya. Ini disebabkan oleh beberapa masalah politik dan kekurangan program-program pembangunan di dalam meningkatkan taraf kehidupan mereka. Berbanding dengan program pembangunan negara yang begitu pesat dapat dikatakan bahawa kawasan ini agak ketinggalan di belakang.

BAB SATU

1.1 PENDAHULUAN

Selepas negara mencapai kemerdekaan, usaha-usaha dan aktiviti utama yang dijalankan oleh kerajaan lebih tertumpu kepada usaha untuk membentuk sistem politik yang mantap dan stabil. Di samping itu kerajaan lebih menumpukan untuk meningkatkan persefahaman di antara kaum. Namun di dalam kesibukan tersebut kerajaan masih menjalankan program-program pembangunan bagi meningkatkan taraf kehidupan penduduk. Walau bagaimanapun program yang dijalankan agak sedikit dan kurang efektif. Kesannya perbezaan taraf kehidupan antara kaum semakin besar jaraknya yang akhirnya membawa kepada Peristiwa 13 Mei 1969.

Selepas peristiwa tersebut kerajaan mula memainkan peranan yang penting di dalam rancangan-rancangan pembangunan ekonomi negara. Dasar yang penting ialah Dasar Ekonomi Baru yang bermula pada tahun 1970 dan berakhir pada tahun 1990. Walaupun jurang perbezaan ekonomi antara kaum dapat dikurangkan namun begitu masih ada pihak yang belum menikmati kesan program pembangunan DEB itu sendiri. Justeru itu Dasar Pembangunan Nasional telah dirangka bagi meneruskan usaha bagi mencapai matlamat DEB. Seperti mana DEB, DPN juga memainkan peranan penting

sebagai garis panduan pembangunan negara. Namun begitu kesan perlaksanaan program-program DPN tidak menyeluruh bagi meningkatkan taraf kehidupan dan pembangunan penduduk luar bandar agar setara dengan kehidupan masyarakat bandar ataupun setidak-tidaknya memberikan mereka kemudahan-kemudahan yang serasi untuk dinikmati oleh mereka.

Dalam hal ini penduduk Mukim Sabak adalah merupakan fokus kajian kami bagi mencari jawapan di mana letaknya taraf kehidupan dan penduduk Mukim Sabak di tengah-tengah pembangunan negara yang semakin pesat. Di mana selama ini digembur-gemburkan bahawa rakyat negara ini telah menikmati tahap pembangunan yang memberangsangkan hasil pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional. Di samping itu juga terdapat pelbagai agensi persekutuan walaupun negeri yang berperanan di dalam melaksanakan program bagi memperbaiki taraf kehidupan rakyat. Persoalannya adakah rakyat benar-benar menikmati hasil program tersebut. Dan apakah program-program benar-benar dilaksanakan.

1.2 RASIONAL

Sebagai pengetahuan umum Mukim Sabak terletak di dalam Daerah Sering dan di bawah jajahan Kota Bharu. Apa yang hendak ditekankan di sini adalah taraf kehidupan dan pembangunan penduduk di Mukim Sabak masih berada di tahap yang rendah.

Dari itu kajian ke atas Mukim Sabak ini dipilih adalah untuk memberi gambaran secara dasarnya situasi dan keadaan sebenar di Mukim Sabak.

Dari segi taraf kehidupan, penekanan aspek adalah kepada pendapatan yang diperolehi oleh penduduk, pendidikan yang didapati dan juga kepada kemudahan kesihatan penduduk Mukim Sabak.

Dari segi pembangunan Mukim Sabak infrastruktur, kemudahan awam, kemudahan sosial dan lain-lain perkara yang berkaitan yang dapat menerangkan tentang pembangunan di Mukim Sabak.

Juga apa yang dikaji adalah berkenaan masalah-masalah yang dihadapi iaitu faktor-faktor penyebab kepada taraf kehidupan dan pembangunan yang rendah. Tidak ketinggalan masalah dalam membantu meningkatkan taraf kehidupan dan pembangunan penduduk Mukim Sabak.

Cara-cara dalam membantu peningkatan taraf kehidupan dan pembangunan contohnya langkah-langkah kerajaan juga dikaji supaya kajian ini dapat menolong para pembaca dalam memahami taraf kehidupan dan pembangunan penduduk di Mukim Sabak.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian yang dibawakan oleh kami akan menyentuh kepada aspek-aspek dalaman dan luaran. Ini kerana dalam mengkaji aspek-aspek ini ia dapat menerangkan sebab penyebab, sikap, langkah-langkah dan keberkesanan.

Dengan ini penekanan secara khusus terhadap aspek-aspek tersebut boleh membantu dalam memberi gambaran yang jelas tentang Mukim Sabak.

Antara aspek-aspek yang ditinjau adalah dari segi:

- a) Hakisan iaitu Mukim Sabak telah dilanda hakisan yang kuat.
- b) Politik iaitu negeri Kelantan di bawah pemerintahan parti PAS.
- c) Kawasan iaitu bentuk muka bumi Mukim sabak.
- d) Langkah-langkah kerajaan negeri dan kerajaan pusat dalam menangani masalah yang dihadapi oleh penduduk Mukim Sabak.

Di dalam hal ini penganalisaan juga dilakukan dari segi keberkesanan pencapaian matlamat oleh pihak-pihak yang terlibat

Kajian ini juga dilakukan untuk mempraktikkan mata pelajaran yang di pelajari iaitu mata pelajaran seperti Sistem Politik Malaysia (POL 202), Ekonomi Malaysia (ECO 300) dan Pentadbiran Pembangunan (PAD 300) yang dapat digunakan sebagai garis panduan dan juga rujukan.

Juga matapelajaran yang dipelajari ini dapat membantu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi di Mukim Sabak dengan masalah-masalah di tempat atau negara lain. Di dalam hal ini cara penyelesaikan boleh dicadangkan mengikut situasi keadaan.

Kajian ini juga adalah bersifat berkecuali di mana ia tidak mengutamakan mana-mana pihak. Ia hanya memberi pengutamaan kepada mereka yang ditimpa masalah iaitu penduduk di Mukim Sabak.

Di harap juga kajian ini dapat membuka mata kepada pihak-pihak yang berkaitan tentang masalah di hadapi oleh penduduk di Mukim Sabak dan mereka akan mengambil langkah-langkah sewajarnya dengan secepat mungkin untuk menangani masalah penduduk di Mukim Sabak.

1.4 ANDAIAN

Didalam kajian ini kami telah membuat beberapa andaian di mana kami berharap ia dapat memberi pemahaman yang lebih jelas dan juga memberi persoalan samada andaian ini adalah hakikat yang sebenarnya.

Antara andaian-andaian tersebut adalah:

- a) Hakisan yang teruk berlaku di Mukim Sabak disebabkan oleh pembinaan benteng. Ini kerana pembinaan benteng mempunyai kesan sampingan iaitu menyekat pengaliran pasir.
- b) Pemerintahan kerajaan negeri telah berubah tangan iaitu dari Parti Pemerintahan Kerajaan Pusat (BN) kepada Parti Pembangkang (PAS). Ini telah menyekat aktiviti-aktiviti daripada dijalankan untuk menolong penduduk Mukim Sabak.
- c) Bantuan kepada Mukim Sabak adalah kurang kerana berlakunya perubahan pemerintahan yang membentuk usaha-usaha bantuan dari diterima.

- d) Taraf kehidupan penduduk adalah rendah disebabkan oleh faktor utama iaitu pergantungan sepenuhnya kepada pekerjaan nelayan.

1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian adalah ke atas Mukim Sabak secara keseluruhannya. Ini kerana tajuk adalah taraf kehidupan dan pembangunan penduduk Mukim Sabak. Pengkhususan dilakukan ke atas masyarakat kampung iaitu masyarakat di Kampung Kemerok, Sabak Tengah, Kampung Surau dan Rumput Masin.

Selain daripada itu kajian juga melihat kepada fungsi pejabat setiusaha kerajaan kerana pejabat ini berperanan di dalam struktur pentadbiran Negeri Kelantan. Ini menolong kami melihat sstruktur pentadbiran di Mukim Sabak.

Fungsi Pejabat Tanah dan Jajahan juga dikaji kerana pejabat ini terlibat dalam rancangan pembangunan negeri Kelantan. Dengan ini dapatlah dilihat rancangan-rancangan ataupun perlaksanaan yang telah dilakukan di Mukim Sabak.

1.6 METHODOLOGI

Oleh kerana kajian ini adalah mengenai taraf kehidupan dan pembangunan penduduk maka respondan juga dipilih dari agensi-agensi kerajaan untuk menerangkan aktiviti yang dijalankan terutamanya Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri terutamanya dalam meningkatkan taraf kehidupan dan pembangunan Mukim Sabak.

Di dalam menyediakan kertas projek ini penyelidik akan menggunakan beberapa kaedah bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan dengan tepat. Diantaranya termasuklah kajian perpustakaan, temubual, pengamatan atau pemerhatian, pengumpulan data-data dan maklumat-maklumat serta laporan khas mengenai Jajahan Kota Bharu.

Kaedah-kaedah ini boleh dibahagikan kepada tiga method iaitu:

- i) Data primer
- ii) Data sekunder
- iii) Pemerhatian

1.6.1 Data Sekunder

Sebelum penyelidik pergi ke kawasan penyelidikan, penyelidik terlebih dahulu membuat kajian perpustakaan. Ini adalah untuk mendapatkan gambaran umum tentang konsep-konsep dan teori-teori berkenaan dengan pembangunan dan taraf hidup masyarakat.

Penyelidik juga menyediakan rangka projek serta membuat perbincangan dengan penyelidik-penyelidik dalam kumpulan yang serta perbincangan dengan penyelia projek ini.

Kajian perpustakaan ini adalah penting kepada penyelidik untuk memastikan penyelidik dapat menjalankan projek dengan tersusun dan juga teratur. Sebelum kita membuat sesuatu kerja dengan praktikal, maka ada perlu bagi kita untuk mengetahui perkara tersebut berdasarkan kepada teori. Dengan berbagai masalah dapat dielakkan terlebih awal seperti kekeliruan mengenai tajuk ini ataupun ketidakfahaman mengenai tajuk ini. Penyelidik juga dapat megelakkan dari membuat deplikasi terhadap bab-

bab yang terdapat di dalam kertas projek ini. Laporan-laporan khas juga digunakan didalam penyelidikan ini. Ini penting untuk penyelidik membuat perbandingan tentang pemerhatian mengenai pembangunan dan taraf hidup yang sebenar di Mukim Sabak. Data-data ini dapat memberikan keterangan selain daripada kaedah temubual. Tidak semua maklumat yang diperlukan diperolehi hanya dengan cara temubual. Responden biasanya tidak dapat memberikan data-data secara mendalam contohnya data-data berkenaan kewangan. Oleh itu wajarlah bagi penyelidik menggunakan kaedah ini bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas lagi.

1.6.2 Data Primer

Ini adalah merupakan data yang dikumpulkan dan diterbitkan oleh penyelidik untuk kegunaan sendiri. Maklumat yang diperolehi adalah berdasarkan maklumat asal. Melalui kaedah ini cara yang digunakan adalah temubual secara berdepan dengan beberapa pihak yang terlibat. Penyelidik memilih kaedah ini berdasarkan beberapa perkara:

i) Masa

Penyelidik akan menentukan masa yang sesuai dengan respondan. Jadi masa yang diperuntukan adalah panjang. Penyelidik tidak tergesa-gesa untuk mengajukan soalan.

ii) Ketetapan jawapan

Di sebabkan temubual ini dibuat secara berdepan maka masa jawapan yang diterima adalah pada masa yang sama.

iii) Pengaruh

Jawapan yang diberikan oleh responden bukannya daripada pendapat atau pengaruh orang lain. Responden menjawab soalan dengan sendiri tanpa mendapat pengaruh daripada orang lain.

iv) Penghuraian jawapan

Jawapan yang diberikan oleh responden penuh dengan penghuraian yang diperlukan oleh penyelidik. Jawapan adalah lengkap.

v) Pengajuan soalan

Penyelidik boleh bertanyakan soalan semula jika penyelidik kurang berpuas hati dengan jawapan yang diberikan.

vi) Non verbal

Penyelidik dapat melihat reaksi responden di dalam memberikan jawapan samada responden memberikan jawapan secara jujur ataupun tidak.

vii) **Pembentangan**

Pembentangan wang tidak digunakan dengan banyak. Ini kerana penyelidik hanya perlu datang kepada responden di dalam kajian ini tinggal berhampiran dengan kawasan tempat tinggal penyelidik.

1.6.3 **Kaedah Pemerhatian**

Dalam kaedah ini penyelidik merupakan pemerhati sebagai pengunjung biasa ke tempat tersebut, lebih-lebih lagi Mukim Sabak ini adalah merupakan kawasan pantai yang merupakan tempat kunjungan awam.

Tujuan utama kaedah ini dilakukan adalah untuk mendapatkan penerangan daripada penganalisaan yang tepat tentang apa yang sebenarnya berlaku di kawasan penyelidikan. Ini dapat dilakukan dengan memerhati keadaan sosial, ekonomi dan suasana sekitar kawasan penyelidikan.

Kebaikan kaedah ini adalah dapat melihat sesuatu proses pembangunan dan taraf hidup masyarakat dengan sendiri. Walaubagaimana pun ia mengambil masa yang agak lama untuk melihat hasil yang diperolehi.